

## **KOPERASI PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA BERHAD**

### **ATURAN-ATURAN YURAN BAGI ANGGOTA KPPUMB**

---

#### **1. TAJUK DAN MULA BERKUATKUASA**

Aturan-aturan mengenai yuran bagi Anggota-anggota KPPUMB dan hendaklah berkuatkuasa setelah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan Ke 37 yang akan diadakan pada 17hb. Jun 2009

#### **2. TAFSIRAN**

Dalam aturan-aturan ini melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:

**‘Undang-Undang Kecil’** ertinya Undang-Undang Kecil Koperasi Pusat Perubatan Universiti Malaya Berhad.

**‘Anggota’** ertinya anggota Koperasi Pusat Perubatan Universiti Malaya Berhad.

**‘KPPUMB’** ertinya Koperasi Pusat Perubatan Universiti Malaya Berhad.

**‘Lembaga’** ertinya Anggota Lembaga Koperasi Pusat Perubatan Universiti Malaya Berhad ini yang dilantik sewajarnya di bawah Undang-undang Kecil Koperasi Pusat Perubatan Universiti Malaya Berhad.

**‘Yuran’** ertinya yuran yang dibayar oleh Anggota pada setiap bulan melalui potongan gaji atau secara tunai kepada KPPUMB.

#### **3. CARUMAN YURAN**

3.1. Caruman minima yuran anggota setiap bulan hendaklah tidak kurang daripada RM10.00 (Ringgit : Sepuluh Sahaja)

3.2. Caruman maksima yuran setiap bulan tidak melebihi RM200.00 (Ringgit : Dua Ratus Sahaja)

3.3. Caruman yuran bulanan seseorang anggota yang mempunyai pinjaman jaminan atau pinjaman kedua hendaklah tidak kurang daripada 1/200 kali pinjaman.

- 3.4. Semua caruman yuran hendaklah dibuat dalam gandaan RM5.00 (Ringgit : Lima Sahaja)

**4. PENGELUARAN YURAN BAGI ANGGOTA YANG BERHENTI MENJADI ANGGOTA KPPUMB**

- 4.1. Bagi anggota yang memohon untuk berhenti dari menjadi anggota dan telah diluluskan oleh Lembaga KPPUMB, yurannya bolehlah dikembalikan dalam tempoh 12 bulan atau dalam tempoh yang lebih singkat mengikut keputusan Lembaga, setelah ditolak baki hutangnya dengan KPPUMB.
- 4.2. Bagi anggota yang dipecat keanggotaannya, yurannya bolehlah dikembalikan dalam tempoh 12 bulan atau dalam tempoh yang lebih singkat mengikut keputusan Lembaga KPPUMB, setelah ditolak baki hutang dengan KPPUMB.
- 4.3. Yuran hanya akan dikembalikan setelah Lembaga KPPUMB menerima permohonan secara bertulis dari anggota atau bekas anggota.

**5. PENAHANAN PENGELUARAN YURAN BAGI ANGGOTA YANG BERHENTI MENJADI ANGGOTA**

Perkara 4.1 dan 4.2 hendaklah dengan sendirinya terbatal sekiranya anggota masih terikat sebagai seorang penjamin bagi mana-mana pinjaman yang telah diberikan oleh KPPUMB.

**6. PENGELUARAN YURAN**

**6.1. ANGGOTA YANG MENGANGGOTAI KPPUMB SELAMA 15 TAHUN**




- 6.1.1. Anggota yang telah menganggotai KPPUMB selama 15 tahun bolehlah mengeluarkan yurannya. Anggota yang layak bolehlah membuat permohonan pada tarikh 1hb. Januari sehingga tarikh akhir permohonan iaitu 15hb. Jun. Permohonan ini hanya boleh dibuat sekali dalam tempoh keanggotaan sahaja. Lembaga KPPUMB akan menetapkan peratus yang boleh dikeluarkan pada tiap-tiap tahun.
- 6.1.2. Bagi Anggota yang mempunyai baki pinjaman jaminan atau pinjaman kedua, atau kedua-duanya, dan ingin membuat pengeluaran yuran, hendaklah mendapatkan kebenaran daripada penjamin-penjamin terlebih dahulu sebelum ianya diluluskan oleh Lembaga KPPUMB.

- 6.1.3. Sekiranya Anggota masih ada baki pinjaman 90 %, pengeluaran yuran pada masa tersebut hendaklah tidak melebihi jumlah baki pinjaman semasa tersebut.
- 6.1.4. Lembaga KPPUMB boleh menolak atau menerima permohonan tersebut tertakluk kepada kedudukan kewangan KPPUMB pada masa permohonan dibuat dan mendapat kelulusan Lembaga KPPUMB.

## 7. **PENGELUARAN YURAN ATAS SEBAB-SEBAB KHAS**

- 7.1. Anggota yang telah menganggotai KPPUMB selama 10 tahun boleh lah dipertimbangkan oleh Lembaga KPPUMB bagi mengeluarkan yuran atas sebab-sebab khas seperti membeli rumah, untuk tujuan pelajaran anggota, keluarga terdekat anggota atau sebab-sebab lain yang diputuskan oleh Lembaga KPPUMB.
- 7.2 Bagi Anggota yang mempunyai baki pinjaman jaminan semasa atau pinjaman kedua, atau kedua-duanya, dan ingin membuat pengeluaran yuran, hendaklah mendapatkan kebenaran daripada peminjam-peminjam terlebih dahulu sebelum ianya diluluskan oleh Lembaga KPPUMB.
- 7.3 Sekiranya anggota masih ada baki pinjaman 90% pengeluaran yuran pada masa tersebut hendaklah tidak melebihi jumlah baki pinjaman semasa tersebut.
- 7.4 Lembaga KPPUMB berhak untuk memutuskan samada menerima atau menolak mana-mana permohonan dan menetapkan peratus yang boleh dikeluarkan tertakluk kepada kedudukan kewangan dalam KPPUMB pada masa permohonan dibuat dan mendapat kelulusan Lembaga KPPUMB. Anggota boleh lah membuat permohonan pada tarikh 1hb. Januari sehingga tarikh akhir permohonan iaitu pada 15hb. Jun sahaja.

Diakui aturan-aturan ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam mesyuarat agung tahunan koperasi yang ke 37 bertarikh tujuh belas haribulan Jun tahun dua ribu sembilan.

 _____ <b>Amran b. Said</b> Pengerusi	 _____ <b>Hanifah b. Abdullah</b> Setiausaha	 _____ <b>K. GUNASAGARAN</b> Bendahari
---	--	--